

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO

TARIKH: 13 APRIL 2018

MUKA SURAT:79

HARIAN METRO

Irfan Tun Tuah
am@hmetro.com.my

Seremban

Peluang tidak harus dilepaskan apabila sebanyak 21,000 unit kediaman termasuk 17,000 rumah mampu milik ditawarkan di Ekspo Jualan Perumahan - Ke Arah Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera yang berlangsung di Dewan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) bermula semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA), Datuk Abdul Motalib Alias, berkata, 84 peratus daripada keseluruhan rumah ditawarkan berharga RM300,000 ke bawah disasarkan untuk golongan berpendapatan rendah (B40) dan pertengahan (M40).

"Rumah PRIMA bukan rumah kos rendah, sebaliknya rumah yang dijual pada harga lebih rendah daripada pasaran. Rumah seperti ini membuktikan komitmen kerajaan untuk memberi pe-



MOHAMAD (dua dari kanan) bersama Abdul Motalib (dua dari kiri) melihat replika model perumahan PRIMA di Dewan Majlis Perbandaran Negeri Sembilan.

84% bawah RM300,000

■ **Sebanyak 17,000 rumah mampu milik ditawarkan di Ekspo Jualan Perumahan**

luang kepada golongan B40 dan M40 memiliki kediaman sendiri.

"Sehingga kini, kami sudah menerima sebanyak 70,000 pendaftaran bagi projek rumah mampu milik PRIMA di Negeri Sembilan, sekali gus membuktikan

permintaan yang tinggi. Kita akan bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri untuk memperbanyakkan projek PRIMA," katanya pada majlis perasmian ekspo itu di sini, semalam.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan turut hadir

menyempurnakan majlis perasmian ekspo lima hari itu yang mempamerkan lapan projek PRIMA di Port Dickson, Seremban Sentral, Rantau 1 dan 2, Senawang, Seremban Utara, Pedas, Taman Green View dan Kuala Pilah.

66

Rumah PRIMA bukan rumah kos rendah, sebaliknya rumah yang dijual pada harga lebih rendah daripada pasaran"

Abdul Motalib Alias

Ekspo berkenaan adalah inisiatif PRIMA, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perumahan Negara, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).

Mengulas lanjut, Abdul Motalib berkata, Negeri Sembilan menyediakan lokasi perumahan yang strategik kerana terletak berhampiran Kuala Lumpur dan Putrajaya, malah menerima limpahan pembangunan pesat yang berlaku di Lembah Klang.

"Kewujudan infrastruktur dan kemudahan awam se-

perti lebuhraya serta perkhidmatan kereta api turut memainkan peranan penting menggalakkan orang dari Kuala Lumpur membeli kediaman di negeri ini, terutama di Seremban," katanya.

Sementara itu, Mohamad berkata, penubuhan PRIMA dan agensi lain yang memberi tumpuan terhadap pembinaan rumah mampu milik membuktikan komitmen kerajaan dalam membantu semua rakyat terutama golongan B40 dan M40 membeli rumah.

"Harga rumah semakin lama semakin tinggi, menyebabkan kadar sewa juga meningkat, jadi kerajaan mengambil langkah membina lebih banyak rumah yang mampu dibeli oleh golongan terbabit.

"Hasilnya, sambutan yang diterima amat menggalakkan kerana projek perumahan PRIMA ini dilaksanakan di lokasi strategik dan dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk rangkaian pengangkutan awam yang cekap," katanya ketika ditemui.

13-04-2018

setempat 79